

## Konsep Samak dan Sertu: Satu Perbandingan Menurut Perspektif Islam

### *The Concept of Samak and Sertu: A Comparison According to Islamic Perspective*

Norhafizah Ahmad<sup>1\*</sup>, Wan Ainaa Mardhiah Wan Zahari<sup>1</sup>, Nur Zainatul Nadra Zainol<sup>1</sup>, Ahmad Sharifuddin Mustapha<sup>1</sup>, Faizal Pakir<sup>2</sup>, Azri Hussin<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, 86400 Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

<sup>2</sup> Jabatan Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, 86400 Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

<sup>3</sup> Global Dibagh Sdn. Bhd, Selangor, MALAYSIA

\*Corresponding Author: nrhafizah@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/jqsr.2023.04.02.002>

---

#### Maklumat Artikel

Diserah: 1 Ogos 2023

Diterima: 2 Oktober 2023

Diterbitkan: 31 Disember 2023

#### Kata Kunci

Samak, sertu, penyucian, kulit, bangkai, najis

---

#### Abstrak

Samak dan sertu adalah istilah yang berkaitan dengan proses penyucian dalam Islam. Di Malaysia, sertu menjadi salah satu kriteria dalam permohonan Sijil Halal JAKIM. Namun, terdapat kekeliruan dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia berkaitan istilah samak dan sertu serta penggunaan keduanya dalam kaedah penyucian najis. Kekeliruan ini timbul adalah disebabkan kurang kefahaman bagi istilah samak dan sertu. Justeru, artikel ini bertujuan untuk menjelaskan perbezaan istilah antara samak dan sertu serta penggunaan kedua-dua istilah tersebut. Bagi mencapai tujuan dan objektif yang digariskan, kajian ini menggunakan analisis kandungan buku fiqh, artikel ilmiah serta keputusan fatwa peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Pencarian perkataan *al-dhabghu* dan *ghasala* digunakan bagi analisis buku bahasa Arab. Manakala, istilah samak dan sertu dalam buku panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Data ini kemudian dianalisis berdasarkan kepada pandangan empat mazhab yang muktabar dalam fiqh. Hasil dapatkan menunjukkan samak merujuk kepada proses penyucian kulit haiwan daripada kekotoran untuk kegunaan tertentu dengan menggunakan alat yang tajam. Manakala sertu adalah proses penyucian bahagian yang terkena najis mughallazah (anjing, babi dan keturunannya) dengan menggunakan air dan tanah. Kaedah penyucian bagi samak dan sertu berbeza antara keduanya. Implikasi kajian samak dan sertu perlu difahami penggunaannya kerana ia telah disepakati untuk penyucian dan kebersihan.

**Keywords**

*Samak, sertu, purification, skin, carcass, excrement*

**Abstract**

*Samak and sertu are terms related to the purification process in Islam. In the Islamic society in Malaysia, there is a misconception about the terms samak and sertu and the use of both terms in the purification of impurity. This misconception arises from a lack of understanding of the terms samak and sertu. Therefore, this article aims to explain the difference between the terms samak and sertu and the use of both terms. To achieve the aforementioned objectives, this study is based on an analysis of the content of fiqh books, scholarly articles, and fatwa on international and national rankings. For the analysis of Arabic books, the search of the terms al-dhabghu and ghasala is used. Meanwhile, the terms samak and sertu in the Malaysian Islamic Progress Office (JAKIM) guide. This data is then analyzed based on the views of the four madhhabs that are muktabar in fiqh. The results show that samak is the process of cleaning an animal's skin of impurities for a specific purpose with a sharp tool. While sertu is the process of cleaning the affected part of mughallazah faeces (dogs, pigs and their offspring) with the help of water and soil. The cleaning method of samak and sertu is different from the other two. The meaning of samak and sertu should be understood, as they were agreed upon for cleaning and hygiene.*

## 1. Pendahuluan

Islam merupakan agama yang mementingkan kebersihan dan kesucian dalam dua aspek iaitu fizikal dan spiritual. Aspek kebersihan fizikal merangkumi kebersihan diri, tempat, pakaian, peralatan, dan sebagainya. Ini penting bagi memastikan semua amal ibadat yang dilakukan oleh umat Islam adalah selaras dengan tuntutan syarak. Oleh itu, setiap orang Islam bertanggungjawab mempelajari dan mengamalkan konsep kebersihan dan kesucian dalam kehidupan mereka.

Di Malaysia, beberapa senario mengenai aplikasi sertu dalam masyarakat dipaparkan oleh akhbar-akhbar berita tempatan yang memberikan gambaran bahwa sertu adalah satu isu yang begitu penting (Mohd Mahyeddin, 2020). Namun, paparan tajuk dan isi akhbar menggunakan istilah samak yang merujuk kepada proses membersihkan najis mughallazah sama ada anjing atau babi. Sebagai contoh, pada 7 Mac 2018 ahli kariah Masjid Sungai Plong, Sungai Buloh bertindak menyertu separuh kawasan masjid dan menggantikan kesemua karpet di ruangan solat setelah dicemari oleh babi hutan yang tersesat masuk ke dalam masjid (Berita Harian, 2018). Kos penukaran karpet bernilai RM34,000 bukanlah isu utama, asalkan ibadah dapat dilakukan dalam keadaan sempurna. Turut dilaporkan ialah tindakan pantas oleh para peniaga di Malaysia menyertu premis yang dicemari oleh najis mughallazah sebagai bukti peniaga turut menitikberatkan aspek kebersihan, keselamatan dan pematuhan halal. Ini disokong oleh laporan akhbar atas talian Malaysiakini (2017), mengenai tindakan McDonald's yang menyertu sebuah restorannya di Bukit Indah, Johor Bahru selepas sekumpulan remaja bukan Islam membawa anjing ke lobi restoran tersebut. Sebelum itu, akhbar Metro pada 22 Disember 2015 melaporkan mengenai Tesco Malaysia yang menyertu kesemua troli di Tesco Extra Bercham, Ipoh berikutan insiden anjing dibawa masuk ke dalam pasar raya berkenaan. Malah tindakan pihak pengurusan Tesco Tebrau menghalang seorang wanita membawa anjing peliharaannya ke dalam pasar raya itu menggunakan troli mendapat pujian netizen (Sinar Harian, 2020).

Secara umumnya, terdapat banyak penulisan yang membincangkan isu-isu berkaitan samak dan sertu antaranya *al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*, *Nihayah al-Muhtaj ila Sharh Minhaj*, *al-Raudah al-Talibin wa Umdat al-Muftin*, *al-Umm* dan *al-Risalah*. Sebahagian daripada usaha tersebut merupakan ikhtiar para ulama fiqh yang berusaha untuk mengenal pasti ruang-ruang bagi proses penyucian. Namun, berlaku kekeliruan dalam kalangan masyarakat tentang penggunaan di antara istilah samak dan sertu (Nurul Husna, 2019; Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019). Perbuatan sertu ini lebih dikenali dengan istilah samak atau menyamak dalam kalangan penduduk Islam di Malaysia (Mustafa 'Afifi, 2020). Hal ini timbul berkemungkinan datang daripada sebilangan masyarakat yang terkeliru dengan dua perkataan tersebut daripada takrifan sudut bahasa kerana menyamak juga mengandungi makna yang sama seperti sertu iaitu membersihkan najis mughallazah dengan air dan tanah. Kekeliruan yang berlaku ini perlu kepada perbincangan supaya dapat menghindarkan kesalahan kepada pengamalan seharian dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Justeru artikel ini bertujuan untuk menjelaskan konsep samak dan sertu berdasarkan kepada perspektif Islam.

## 2. Kajian Literatur

Terdapat pelbagai kajian mengenai isu-isu sertu dan perlaksanaannya di Malaysia. Antaranya ialah kajian oleh Mohd Mahyeddin Mohd Salleh *et al.* (2020b) bertajuk 'Analisis Isu-Isu dalam Perlaksanaan Sertu Industri' bertujuan menganalisis isu-isu yang timbul dalam perlaksanaan sertu industri di Malaysia. Kajian ini mendapati terdapat tujuh kategori isu iaitu isu pematuhan garis panduan dan fatwa, kefahaman dan pengetahuan, peralatan moden sertu, bahan sertu, penambahan kosmetik agama, pengurusan garis panduan dan kepercayaan industri terhadap kompetensi Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dalam perlaksanaan sertu. Mohd Mahyeddin Mohd Salleh *et al.* (2020a) juga dalam penulisannya bertajuk 'Implementation of Islamic Cleansing (Sertu) in The Halal Industry' meneliti amalan sertu tradisional dan moden serta prosedur dan pengurusan sertu oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Mustafa 'Afifi Abdul Halim (2020) dalam artikel 'Kerangka Perundangan Sertu dalam Industri Halal di Malaysia' mendapati tiada kerangka perundangan sertu secara khusus dan ia boleh mendatangkan kekeliruan dalam melaksanakan pemantauan secara menyeluruh dalam konteks pensijilan halal di Malaysia.

Noorsiah Ahmad dan Sariwati Mohd. Shariff (2016; 2017) pula melihat sertu dari sudut integriti amalan sertu bagi halal logistik sebagaimana dalam kajian bertajuk 'Factors Influencing Sertu Cleansing Integrity in Halal Logistics' dan 'Halal Cleansing Operations towards Halal Integrity: A Literary Insight'. Kajian ini menekankan kepada kesedaran yang perlu dimiliki oleh para pengusaha yang terlibat dalam rantaian penyediaan makanan halal dan mengenai kepentingan sertu. Bagi memastikan integriti halal mengenai sertu terjaga, ia perlu kepada pemerkasaan empat faktor iaitu prosedur, produk, proses dan pelaksana sertu.

Pelaksanaan sertu menjadi semakin penting bagi industri sederhana dan besar di Malaysia yang ingin mendapatkan pensijilan halal. Walaupun sertu bukanlah sesuatu yang wajib dilakukan, syarikat perlu mewujudkan Prosedur Operasi Standard (SOP) secara bertulis berkaitan sertu sebagai persediaan sekiranya berlaku ketidakakurran yang perlu kepada proses sertu (jika berkaitan) dan ini digariskan sebagai salah satu keperluan dalam Sistem Jaminan Halal atau Halal Assurance System (HAS) dan Sistem Pengurusan Halal Malaysia (MHMS) 2020 (Sumaiyah *et al.*, 2021).

## 3. Konsep Samak dalam Islam

Samak dari segi bahasa bermaksud sejenis tumbuhan yang digunakan untuk menyamak kulit, bahan zat yang digunakan untuk memasak serta mewarnai kulit binatang, memasak kulit supaya lembut dan berwarna serta membersihkan najis mughallazah dengan air tanah sekali dan air mutlak enam kali (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Manakala pengertiannya dari sudut istilah ialah kaedah menyucikan kulit haiwan yang boleh dimakan atau tidak, iaitu dengan menghilangkan darah, daging dan semua yang melekat pada kulit yang membusukkan jika tidak dibuang, dengan sesuatu alat yang tajam seperti tawas atau buah manjakani dan seumpamanya (al-Fathani, 2021). Istilah samak juga disebut sebagai *tanning* dalam Bahasa Inggeris dan *al-dhabghu* (الدبغ) dalam Bahasa Arab. Tujuan menyamak ialah untuk menyucikan kulit yang najis (bangkai). Terdapat dalil-dalil dari hadis sahih yang menyatakan tentang samak. Bahkan Rasulullah SAW juga turut menggunakan barang yang diperbuat daripada kulit yang disamak seperti khemah dan bantal.

أَنَّ عِنْدَ اللَّهِ بْنَ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَخْبَرَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ بِشَاةً مَيِّتَةً فَقَالَ هَلَا اسْتَمْعِثُمْ يَا هَبِيهَا قَالُوا إِنَّهَا مَيِّتَةٌ قَالَ إِنَّمَا حَرْمٌ أَكْلُهَا

Maksudnya: Bahawa 'Abdullah bin 'Abbas RA mengkhabarkan kepadanya bahawa Rasulullah SAW pernah berjalan melewati seekor kambing yang sudah jadi bangkai lalu bersabda: "Mengapa kamu tidak menggunakan kulitnya?" Mereka berkata: "Tetapi ia telah mati!" Beliau bersabda: "Sesungguhnya yang diharamkan adalah jika memakannya". (Riwayat al-Bukhari)

عَنْ أَبْنَى عَبَّاسٍ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِذَا دُبِّغَ الْإِهَابُ فَقَدْ طَهَرَ

Maksudnya: Daripada Ibnu Abbas RA ia berkata, "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Jika kulit disamak, maka ia telah suci." (Riwayat Muslim)

عَنْ أَبِي جُحَيْفَةَ عَنْ أَبِيهِ قَالَ رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي قُبَّةِ حَمْرَاءَ مِنْ أَدِمَّ وَرَأَيْتُ بِلَالًا أَخَذَ وَضُوءَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَرَأَيْتُ النَّاسَ يَتَبَرُّونَ ذَلِكَ الْوَضْنَوْءَ فَمَنْ أَصَابَهُ وَمَنْ شَيْءَ تَمَسَّحَ بِهِ وَمَنْ لَمْ يَصِبْ مِنْهُ شَيْئًا أَخَذَ مِنْ بَلَالَ يَدَ صَاحِبِهِ ثُمَّ رَأَيْتُ بِلَالًا أَخَذَ عَنَّهُ فَرَكَّهَا وَخَرَجَ الْبَيْعُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حُلَّةٍ حَمْرَاءٍ مُسْمَّرًا صَلَّى إِلَى الْعَنْزَةِ بِالنَّاسِ زَعْنَيْنَ وَرَأَيْتُ النَّاسَ وَالدَّوَابَّ يَمْرُونَ مِنْ بَيْنِ يَدَيِ الْعَنْزَةِ

Maksudnya: Daripada Abu Juhaifah katanya, "Aku melihat Rasulullah SAW berada dalam khemah merah yang terbuat dari kulit yang disamak. Dan aku melihat Bilal mengambil air sisa wudhu Rasulullah SAW, dan aku melihat orang-orang saling berebut mengambil air sisa wudhu tersebut. Orang yang mendapatkannya maka ia langsung mengusapkannya, dan bagi yang tidak maka ia mengambilnya dari tangan temannya yang basah. Kemudian aku melihat Bilal mengambil tombak kecil dan menancapkannya di tanah, lalu Rasulullah SAW keluar dengan mengenakan

pakaian merah menghadap ke arah tombak kecil dan memimpin orang-orang solat sebanyak dua rakaat. Dan aku melihat orang-orang dan haiwan berlalu melewati depan tombak tersebut." (Riwayat al-Bukhari)

#### 4. Konsep Sertu dalam Islam

Sertu dari segi bahasa bermaksud menyucikan mana-mana bahagian badan yang terkena najis mughallazah (anjing dan babi) dengan air bercampur tanah sekali dan air mutlak enam kali, menyamak (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2017). Manakala sertu dari sudut istilah ialah cara bersuci daripada najis mughallazah iaitu anjing dan babi dibasuh dengan air sebanyak tujuh kali dan salah satu padanya air tanah sama ada najis tersebut najis aini (semua najis yang berjirim yang dapat dilihat atau mempunyai sifat zahir iaitu warna atau bau seperti tahi, kencing dan darah) atau najis hukmi (semua najis yang telah kering dan kesannya telah hilang, kesan warna atau bau najis tersebut tidak ada lagi). Sama ada terkena pada pakaian, badan, atau tempat (al-Hadhrami, 2019).

Amalan sertu dianggap sebagai perkara *li ta'abbudiy* (kehambaan) iaitu melakukan sertu seperti yang telah diperintahkan oleh Baginda SAW melalui hadis-hadisnya. *Ta'abbudiy* bermaksud sesuatu hukum-hukum syarak yang tidak diketahui sebab, *ma'na* atau *'illah* disebalik pensyariatannya, yang mana seseorang itu dituntut melaksanakan sahaja apa yang diperintahkan tanpa perlu mengetahui *'illah* atau sebab disebaliknya. Perbuatan tujuh kali basuhan atas bekas jilatan anjing atau babi merupakan jenis *ta'abbudiy* dengan bilangan-bilangan tertentu. Bagi hukum-hukum yang berkaitan bilangan tertentu ini, akal tidak dapat menanggapi dan memahami kenapa ditetapkan dengan bilangan dan kadar tertentu dan justifikasi di sebaliknya. Oleh sebab itu, ia tidak boleh dikurang atau ditambah, bahkan perlu mengikut sahaja bilangan yang ditetapkan (Ahmad Zakirullah & Fidlizan, 2021). Oleh itu, dapat difahami bahawa amalan sertu ini ialah salah satu bentuk tuntutan ibadah semata yang dilakukan sebagai lambang kepercayaan dan kepatuhan kepada perintah Allah SWT (Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2023). Terdapat beberapa ciri-ciri *ta'abbudiy* di dalam amalan sertu seperti berikut:

- i. Tujuan sebenar pensyariatan sesuatu hukum samak dan sertu ini tidak dapat difahami oleh akal bahkan pensyariatannya adalah semata-mata perintah dari Allah SWT.
- ii. Terkait dengan bilangan-bilangan atau kadar-kadar tertentu seperti 7 kali basuhan salah satu daripadanya air yang bercampur tanah.
- iii. *Ta'abbudiy* juga banyak berkaitan dengan penggunaan barang-barang dan alatan tertentu seperti penggunaan tanah untuk sertu/samak najis yang datang dari anjing atau babi serta keturunannya.
- iv. *Ta'abbudiy* banyak berkaitan dengan urusan ibadah semata-mata iaitu sesuatu tuntutan yang diwajibkan oleh Allah SWT ke atas hamba-Nya demi menunjukkan lambang ketaatan dan kepatuhan mereka kepada Allah SWT.

Antara hikmah sertu ialah untuk menghindarkan penyakit dari dijangkiti oleh sebarang kuman yang terdapat pada binatang dan menunjukkan bahawa agama Islam sangat menitikberatkan kebersihan dalam penggunaan peralatan harian (JAKIM, 2013). Menurut mazhab Syafie, sertu wajib dilaksanakan apabila berlaku percampuran dengan najis mughallazah. Hukum sertu adalah didasarkan kepada beberapa dalil, antaranya hadis yang menyatakan perlunya mencuci bekas yang dijilat oleh anjing dengan tujuh kali basuhan, termasuk salah satu basuhan menggunakan air tanah. Menurut mazhab Syafie, sunat menggunakan air tanah pada basuhan pertama atau kedua, dan air tanah tidak boleh digantikan dengan bahan lain seperti sabun, tumbuhan dan lain-lain (al-Aizh, t.th).

Sertu tidak boleh dilakukan pada anggota dalaman seseorang manusia yang hidup iaitu seorang yang termakan sesuatu dari sumber najis mughallazah maka dia tidak perlu melakukan sertu dengan meminum air bercampur tanah. Seseorang yang memeluk Islam tidak perlu menyertu segala anggotanya yang pernah tersentuh dengan najis mughallazah sebelum keislamannya (JAKIM, 2013). Walaupun tujuan asal sertu hanyalah bertujuan memenuhi tuntutan agama bagi membolehkan ibadah solat dilakukan secara sah dan sempurna, namun pada masa kini sertu telah berubah menjadi satu cabang industri baharu apabila ia mula diusahakan secara komersial oleh beberapa syarikat tempatan. Salah satu faktor yang menyumbang kepada perkara ini ialah perkembangan industri halal yang semakin rancak menyebabkan ramai para pengusaha industri dalam bidang makanan dan perhotelan yang ingin beralih kepada persijilan halal. Sejarah dengan itu, sertu berkembang luas dan meliputi pelbagai sektor seperti dapur, kontena, kapal, premis, mesin dan peralatan sama ada dalam kalangan masyarakat Islam atau bukan Islam (Mohd Mahyeddin Mohd Salleh et al., 2020).

Dari segi kaedah perlaksanaan, penyucian najis melalui sertu hanya boleh dilaksanakan oleh orang Islam sahaja kerana ini merupakan satu bentuk ibadah yang dilakukan atas dasar keyakinan kepada perintah Allah SWT. Perlaksanaan sertu hanya bagi orang Islam juga merupakan satu langkah *ihtiyat* (berhati-hati) supaya perkara ini tidak diambil mudah serta bagi memastikan tidak berlaku sebarang ketidakpatuhan dan kecuaian dalam melaksanakan prosedur ini. Hal ini kerana jurusertu yang beragama Islam tentunya lebih menjaga dan menghayati kepentingan proses sertu sebagaimana yang dituntut dalam agama (Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2023). Terdapat dalil-dalil dari hadis sahih yang menyatakan tentang sertu, khususnya berkaitan cara menyucikan bekas yang dijilat anjing.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا شَرَبَ الْكَلْبُ فِي إِنَاءٍ أَحْدَكَهُ فَلْيَغْسِلْهُ سَبْعَ

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Apabila anjing meminum pada bekas salah seorang daripada kamu, maka kamu basuhlah ia (bekas) sebanyak tujuh kali." (Riwayat al-Bukhari)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ طَهُورُ إِنَاءٍ أَحْدَكُهُ إِذَا وَلَعَ فِيهِ الْكَلْبُ أَنْ يَغْسِلْهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ أَوْ لَهُنَّ بِالثَّرَابِ

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA dia berkata, Rasulullah SAW bersabda: "Sucinya bekas salah seorang di antara kamu apabila ia (bekas) dijilat anjing adalah dengan cara membasuhnya sebanyak tujuh kali dan yang pertama (basuhan) dengan tanah." (Riwayat Muslim)

## 5. Perbandingan Samak dan Sertu Menurut Perspektif Islam

Perbandingan samak dan sertu dilihat dari beberapa aspek, antaranya ialah bahan yang digunakan, tujuan dan kaedah pelaksanaan samak dan sertu.

**Jadual 1 Perbandingan samak dan sertu**

Aspek	Samak	Sertu
<b>Bahan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Samak tradisional menggunakan sesuatu yang kesat di lidah atau kelat seperti tawas, cuka, asam, limau dan sebagainya atau sesuatu yang kesat di lidah seperti daun akasia (<i>qaraz</i>), manjakani (<i>afs</i>), kulit delima (<i>qusyur ar-rumman</i>), tawas (<i>al-syabbu</i>) dan bahan kimia.</li> <li>Samak moden menggunakan bahan kimia dan peluntur bagi mendapat maksud yang sama (Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, 2008).</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Menggunakan air yang bersih/suci (air <i>mutlak</i>), bukan air <i>musta'mal</i> (air yang telah digunakan) dan air yang tidak tercemar dengan sebarang unsur najis (JAKIM, 2013).</li> <li>Menggunakan tanah yang tidak mengandungi unsur najis, bebas daripada sebarang kekotoran seperti minyak dan sebagainya serta bukan tanah yang telah digunakan untuk tayammum (<i>musta'mal</i>) (JAKIM, 2013).</li> </ol>
<b>Tujuan</b>	Menyucikan kulit yang najis (bangkai) untuk kegunaan tertentu.	Menyucikan pakaian, badan atau tempat tinggal daripada najis mughallazah iaitu anjing, babi dan keturunannya.
<b>Cara Pelaksanaan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Cara menyucikan kulit binatang yang najis atau bangkai yang selain kulit anjing dan babi adalah dengan menyamaknya, iaitu menghilangkan segala lendir, daging dan kelembapan yang melekat pada kulit.</li> <li>Bahan-bahan yang digunakan hendaklah sesuatu yang kesat di lidah. Contoh bahan-bahan berkenaan ialah daun akasia, manjakani, kulit delima, tawas, bahan kimia dan seumpamanya.</li> <li>Tidak semestinya bahan yang digunakan itu terdiri daripada bahan yang suci, malahan tidak menjadi halangan menurut hukum syarak jika bahan yang digunakan untuk menyamak itu terdiri dari bahan yang najis seperti tahi burung merpati.</li> <li>Tidak sah menyamak dengan hanya menjemur kulit binatang itu di bawah cahaya matahari, melumurkan dengan tanah, membekukannya dan mengasingkannya.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Campuran air dan tanah mestilah melebihi 0.6% hingga 2.5% mengikut kepekatan air yang diperlukan.</li> <li>Sertu barang yang sensitif: Sebatian air bercampur tanah tersebut boleh diletakkan di dalam botol '<i>spray</i>' dan disembur ke permukaan yang hendak disertu sehingga air tersebut mengalir sebagai cucian pertama.</li> <li>Sertu peralatan ubat: Untuk sertu bahagian kepala yang memadatkan (<i>compress</i>) debu menjadi ubat, maka perlu menyediakan satu sebatian tanah yang lembab dan boleh dicampur dengan bahan pembuatan ubat (yang kosong - <i>base component</i>) dan dilalui ke dalam mesin pembuatan itu sebagai basuhan pertama, manakala selepas itu boleh diikuti dengan enam (6) kali sebatian lembab yang lain.</li> </ol>


**Jadual 1 Perbandingan samak dan sertu (samb.)**

<b>Aspek</b>	<b>Samak</b>	<b>Sertu</b>
	<p>5. Semua kotoran dan najis yang terlekat pada kulit mestilah dihilangkan. Sesuatu yang ada pada kulit bangkai seperti bulu tidak akan menjadi suci sekalipun disamak. Oleh itu, bulu hendaklah dibuangkan daripada kulit tersebut.</p> <p>6. Kulit yang telah disamak, perlu dibasuh dengan air mutlak untuk menghilangkan najis.</p>	<p>4. Sertu bahagian '<i>operational line</i>' seperti <i>convey belting</i>: Hendaklah dibasahkan kain/<i>sponge</i> dengan air bercampur tanah dan dialirkan keseluruhan '<i>operational line</i>' bagi basuhan pertama. Selepas itu proses yang sama hendaklah diulang sebanyak enam kali lagi menggunakan air bersih yang biasa atau yang mempunyai campuran bahan yang suci.</p> <p>5. Sertu kontena: Sebatian air tanah yang secukupnya hendaklah disediakan kemudian disembur ke permukaan kontena sehingga mengalir dan digosok dengan penyapu untuk meratakan air tersebut ke seluruh permukaan kontena terbabit.</p> <p>6. Sertu dapur: Hendaklah dbersihkan dapur tersebut dari minyak dan <i>ain najasat</i> yang lain sebelum diratakan dengan air yang dibancuh dengan tanah sehingga rata.</p> <p>7. Sertu saluran paip: Hendaklah disediakan sebatian air bercampur tanah yang mencukupi dan dilalui ke dalam paip berkenaan sama ada menggunakan pam atau alatan yang bersesuaian.</p> <p>8. Sertu tangki penyimpanan: Hendaklah diratakan air sebatian ke permukaan dalam tangki tersebut.</p> <p>9. Sertu mesin: Tatacara berikut boleh diikuti: (a) Air sabun tanah liat boleh disembur atau dibasuh sehingga ia mengalir pada bahagian mesin (<i>oven</i>) yang tercemar najis dan hilang bau, rasa dan warna. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan mesin tersebut rosak; (b) Selepas itu, basuh sebanyak enam kali dengan mengalirkan air bersih/ mutlak. Langkah ini boleh dilakukan dengan menggunakan kain basah bertujuan untuk mengelakkan kerosakan pada mesin.</p> <p>10. Sertu pinggan mangkuk berskala besar: Boleh dilakukan dengan menggunakan mesin sertu khas. Kaedahnya ialah pinggan mangkuk yang terkena najis mughallazah dibersihkan dahulu dengan air biasa. Kemudian, pinggan mangkuk akan dimasukkan dalam bahagian mesin yang mengandungi air tanah. Setelah itu, pinggan tersebut akan melalui bahagian air mutlak iaitu dengan enam kali basuhan dan disintasi. Kaedah ini diamalkan di Syarikat Brahim's KLIA.</p>

**Jadual 1 Perbandingan samak dan sertu (samb.)**

<b>Aspek</b>	<b>Samak</b>	<b>Sertu</b>
		11. Sertu kawasan berkarpet: Proses sertu boleh dilakukan menerusi kaedah 'vacuum cleaning'. <i>Ain najasat</i> dihilangkan dahulu, kemudian semburan air tanah dibuat menggunakan vakum khas untuk cucian karpet, dan diikuti dengan basuhan enam kali dengan air mutlak, juga menggunakan teknik vakum. Teknik ini pernah dilakukan oleh Syarikat Global Dibagh Sdn. Bhd. (Mohd Mahyeddin, 2020a).

Rajah 1 Carta proses pengolahan kulit yang melalui proses samak daripada sumber Malaysian Standard MS 2200-2 (2012).

**Rajah 1 Carta proses pengolahan kulit melalui proses samak (MS 2200-2 (2012))**

## 6. Isu-Isu Berkaitan Samak dan Sertu

Beberapa isu berbangkit yang dikaitkan dengan samak dan sertu. Bagi samak, penggunaan kulit dan bangkai perlu diteliti sebelum proses penyucian. Bagi sertu pula, isu-isu yang berkaitan dengannya ialah hukum membasuh dengan tujuh kali basuhan, hukum *tatrib* (menggunakan tanah) bagi menyucikan najis anjing dan penggunaan sabun taharah bagi menggantikan tanah iaitu sabun yang terhasil daripada campuran tanah liat serta beberapa mineral semula jadi seperti sodium, kalsium dan potassium.

### 6.1 Bangkai dan Penggunaan Kulit dalam Samak

Proses samak dilakukan bagi menyucikan kulit yang najis (bangkai). Hanya kulit binatang yang halal dimakan dan diambil setelah mati kerana sembelih mengikut hukum syarak adalah suci dan boleh dimanfaatkan tanpa perlu menyamaknya. Bagi penggunaan kulit binatang yang lain, ia bergantung kepada jenis dan situasi haiwan berkenaan (Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, 2008). Justeru, terdapat beberapa definisi bagi bangkai dan penggunaan kulitnya iaitu:

- Binatang yang halal dimakan, yang mati tidak disembelih mengikut hukum syarak. Terdapat tiga keadaan kulit dari binatang yang halal dimakan:

- a. Kulit binatang yang halal dimakan seperti unta, lembu, kerbau dan sebagainya yang diambil semasa hidup adalah bangkai.
- b. Kulit binatang yang halal dimakan seperti unta, lembu, kerbau dan sebagainya yang mati bukan melalui sembelihan mengikut hukum syarak adalah bangkai. Namun kulit ini boleh disucikan dan dimanfaatkan dengan melakukan samak ke atasnya.
- ii. Binatang yang haram dimakan, yang mati sama ada disembelih atau tidak, ia tetap menjadi bangkai. Oleh itu, kulit binatang yang haram dimakan seperti buaya, singa, monyet dan sebagainya adalah bangkai, sama ada ia diambil semasa hidup atau mati (sama ada disembelih mengikut hukum syarak atau tidak). Namun kulit binatang yang tidak halal dimakan boleh disucikan dan boleh dimanfaatkan setelah disamak, kecuali kulit anjing, babi dan keturunan dari keduanya.
- iii. Binatang-binatang yang mati termasuk dalam kategori bangkai:
  - a. Binatang yang disembelih dengan menggunakan tulang.
  - b. Binatang yang disembelih oleh orang Majusi (orang yang menyembah api).
  - c. Sembelihan orang-orang yang berihram (ihram haji atau umrah).

Walau bagaimanapun, terdapat binatang yang tetap tidak suci kulitnya walaupun setelah disamak, iaitu babi, anjing, anak yang dilahirkan daripada kacukan di antara anjing dan babi serta anak yang dilahirkan daripada kacukan binatang yang halal dengan anjing atau babi. Oleh itu, kulit dari binatang dari kategori najis mughallazah iaitu anjing, babi dan keturunan daripada keduanya adalah najis walaupun disamak dan ia tidak boleh dimanfaatkan.

## 6.2 Membasuh dengan Tujuh Kali Basuhan dalam Sertu

Para ulama' al-Malikiyyah berpandangan bahawa membasuh bekas dengan tujuh kali basuhan adalah bersifat *ta'abbudiy*, maka mereka berpandangan bahawa air yang dijilat anjing adalah suci. Namun, jumhur ulama' al-Hanafiyyah, al-Syafi'iyyah dan al-Hanabilah berpandangan bahawa *ta'abbud* hanya pada bilangan tujuh dan bukan pada amalan menyucikan kerana ia adalah *mu'allal* (bersebab). Disebabkan itu, air yang dijilat oleh anjing adalah najis. Oleh itu, para ulama' berbeza pendapat mengenai kewajipan membasuh sebanyak tujuh kali kepada dua pendapat:

- i. Mazhab Maliki, mazhab Syafie dan mazhab Hanbali menyatakan wajib membasuh tujuh kali berdalilkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA.
- ii. Mazhab Hanafi menyatakan tidak wajib membasuh sebanyak tujuh kali kerana mereka mengatakan bahawa air liur anjing seperti najis-najis yang lain cukup sekadar membasuhnya dengan sekali basuhan jika itu telah menghilangkan kenajisannya. Oleh itu, membasuh sebanyak tujuh kali adalah mustahab bukannya wajib berdasarkan dalil bahawa Abu Hurairah RA pernah mengeluarkan fatwa bahawa cukup membasuh sebanyak tiga kali bagi kenajisan air liur anjing seperti yang terdapat di dalam riwayat-riwayat yang diriwayatkan oleh Imam al-Thahawi dan al-Daraquthni. Ini menunjukkan bahawa bilangan tujuh itu termansuh.

Walau bagaimanapun, pendapat mazhab Hanafi boleh dijawab dengan jawapan bahawa fatwa Abu Hurairah RA ini bertentangan dengan apa yang diriwayatkan. Beramal dengan apa yang beliau riwayatkan daripada Rasulullah SAW adalah lebih utama berbanding daripada apa yang beliau fatwakan. Malah Abu Hurairah RA juga pernah berfatwa agar dibasuh sebanyak tujuh kali dan sanadnya lebih kuat. Bahkan membasuh sebanyak tujuh kali itu bertepatan dengan riwayat *marfu'* iaitu sampai kepada Rasulullah SAW (Mufti Wilayah Persekutuan, 2017).

## 6.3 Hukum Tatrib (Menggunakan Tanah) bagi Menyucikan Najis Anjing

Ulama al-Syafi'iyyah dan al-Hanabilah berpandangan bahawa wajib menggunakan tanah bersama air bagi menyucikan najis anjing, babi dan apa yang lahir daripada keduanya. Namun, tiada khilaf tentang jenis tanah yang digunakan. Menurut kefahaman orang Arab iaitu penggunaan jenis tanah lembut di atas atau di bawah permukaan bumi, begitu juga tanah (*soil*) atau tanah liat (*clay*) sebagaimana kefahaman ahli geologi (Mufti Wilayah Persekutuan, 2017). Ini berdasarkan dalil yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

طَهُورٌ إِنَّمَا أَحْكُمُ إِذَا وَلَغَ فِيهِ الْكَلْبُ، أَنْ يَغْسِلَهُ سَبْعَ مَرَاتٍ أَوْ لَهُنَّ بِالثَّرَابِ

Maksudnya: "Sucinya bekas salah seorang di antara kamu apabila ia (bekas) dijilat anjing adalah dengan cara membasuhnya sebanyak tujuh kali dan yang pertama (basuhan) dengan tanah".  
(Riwayat Muslim)

Manakala ulama' al-Hanafiyyah dan al-Malikiyyah pula berpendapat tidak wajib menggunakan tanah bagi menyucikan najis anjing atau babi (Kementerian Wakaf dan Urusan Agama Kuwait, 1983).

## 6.4 Penggunaan Sabun Taharah bagi Menggantikan Tanah (Turab) dalam Sertu

Sabun taharah atau sabun tanah liat merupakan sabun yang terhasil daripada campuran tanah liat serta beberapa mineral semula jadi seperti sodium, kalsium dan potassium. Penamaan sabun taharah agak berbeza dengan sabun-sabun lain yang boleh didapati di pasaran dengan mengambil kira intipati kandungan yang terdapat di dalamnya (Mufti Wilayah Persekutuan, 2018).

Perbezaan pendapat berkenaan hukum penggunaan tanah dalam proses sertu sama ada pendapat yang mewajibkan atau pendapat yang mengatakan tidak wajib, maka para ulama terbahagi kepada dua pandangan seperti berikut (Mufti Wilayah Persekutuan, 2018):

- i. Sebahagian *fuqaha* berpendapat bahawa tidak boleh untuk menggunakan selain tanah sebagai ganti dalam proses sertu. Para ulama yang mengatakan penggunaan sabun tidak sah, berhujah dengan pendapat bahawa syarak hanya menaskan tentang *turab* (tanah). Maka yang wajib adalah untuk mengikut nas. Walaupun bidara dan seumpamanya terdapat pada zaman Rasulullah SAW tetapi Rasulullah SAW tidak mengisyaratkan kepadanya (untuk digunakan dalam bersuci). Sebaliknya Rasulullah SAW menyebutkan tentang tanah. Ini disebabkan hikmah penggunaan tanah yang wujud padanya jirim yang dapat membunuh bakteria yang keluar dari jilatan anjing. Tanah juga adalah salah satu bahan yang menyucikan selain air berpandukan isu tayammum yang menggantikan wuduk apabila ketiadaan air. Manakala selain darinya seperti bidara dan sabun, tidak dianggap sebagai sesuatu yang menyucikan.
- ii. Manakala sebahagian ulama lain pula berpendapat sekiranya sabun itu membawa kepada sampainya maksud penggunaan tanah (untuk menyucikan) maka ianya sah.

Terdapat fatwa-fatwa badan berautoriti berkenaan penggunaan sabun untuk taharah yang melibatkan Muzakarah Fatwa Kebangsaan, Dar Al-Ifta' Al-Misriyyah dan Fatawa Al-Lajnah Al-Da'imah (Mufti Wilayah Persekutuan, 2018).

- i. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-76 yang bersidang pada 21-23 November 2006 telah membincangkan hukum melakukan samak najis mughallazah menggunakan sabun tanah liat. Muzakarah telah memutuskan bahawa sabun yang mengandungi unsur tanah liat boleh digunakan untuk melakukan samak najis mughallazah dengan syarat tanah tersebut suci dan peratusan kandungan tanah dalam sabun melebihi daripada bahan-bahan yang lain serta kaedah samak tersebut dilakukan mengikut syarak.
- ii. Dar al-Ifta' al-Misriyyah menyatakan hukum dan kaifiat menyucikan bekas yang dijilat anjing iaitu dimustahabkan untuk menggunakan tanah pada basuhan pertama dan dibolehkan untuk mengganti tanah dengan sesuatu yang boleh mengambil tempatnya pada zaman ini dengan benda-benda moden yang dapat menyucikan. Ini kerana yang dimuktamadkan adalah taharah (suci) secara mutlak (<https://www.dar-alifta.org/ar/>).
- iii. Fatawa al-Lajnah al-Da'imah menyatakan apabila pakaian dicampakkan ke dalam air yang suci dan ia dibasuh sehingga hilang kesan-kesan najis darinya, maka ia mensucikan keseluruhan daripada najis-najis anjing dan selainnya. Dengan syarat basuhan untuk najis anjing itu berulang sebanyak tujuh kali, dan basuhan yang pertama adalah dengan tanah atau apa-apa yang menggantikan tempatnya seperti sabun dan selainnya.

Oleh itu, hukum penggunaan sabun taharah atau sabun tanah liat adalah harus. Bahkan proses sertu dan penyucian menggunakanannya adalah memadai dan sah sekiranya sabun tersebut mencapai maksud yang sama dengan penggunaan tanah. Ini mengambil kira situasi masyarakat kebanyakannya terutamanya di kawasan-kawasan bandar yang hidup dalam suasana majmuk, dan terdapat kesukaran untuk mendapatkan tanah bagi tujuan sertu. Walau bagaimanapun, penggunaan tanah dalam proses sertu adalah lebih utama sekiranya terdapat tanah yang boleh digunakan (Mufti Wilayah Persekutuan, 2018).

## 7. Kesimpulan

Istilah samak dan sertu merupakan kaedah penyucian yang digunakan bagi menyucikan bahagian, tempat dan anggota badan yang terkena najis. Kedua-dua istilah ini berbeza dari sudut kaedah penyucian seperti mana yang telah disepakati oleh ulama fiqh berdasarkan kepada dalil dan hujah menurut al-Quran dan al-Sunnah. Hikmah pensyariatan samak dan sertu menunjukkan bahawa Islam merupakan agama yang memudahkan, tidak membebankan dan amat menitikberatkan kesucian dalam kehidupan sehari-hari muslim. Tambahan pula, agama Islam terbina bagi memudahkan umatnya dalam melaksanakan sesuatu dan menolak sikap *takalluf* iaitu sifat membebangkan diri dalam beribadah.

Perincian kaedah untuk melaksanakan proses penyucian dan bahan yang digunakan untuk sertu telah dibahaskan oleh ulama, kitab fiqh dan badan fatwa di dunia Islam. Berikutan perubahan masa dan teknologi, maka penciptaan sabun taharah yang diformulasi menggunakan bahan campuran tanah telah dijual di pasaran, namun masih perlu mengikut peraturan yang ditetapkan oleh badan berwajib.

## Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Global Dibagh Sdn. Bhd. dan para editor atas kerjasama yang diberikan dalam menerbitkan artikel ini. Adalah diharapkan kerjasama yang terjalin ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

## Rujukan

- al-Aizh, Hajah Durriyyah. (t.th). Fiqh al-Ibadat 'ala al-Mazhab al-Shafi'i. t.tp: t.pt.
- al-Bukhari, Muhammad ibn Ismail. (2001). Sahih al-Bukhari. Dimashq: Dar Tuq al-Najat.
- al-Fathani, Muhammad bin Ismail Daud. (2021). Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain. Selangor: Jabatan Mufti Negeri Selangor.
- al-Hadhrami, Sheikh Salim bin Sumair. (2019). al-Mujtaba fi Syarh Safinah al-Naja. Terj: Zulkifli Mohamad al-Bakri. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi.
- Ahmad Zakirullah Mohamed Shaarani & Fidlizan Muhamad. (2021). Konsep *ta'abbudiy* dan *ma'qulat al-ma'na* dan kesannya dalam pengeluaran hukum syarak semasa: Analisis aplikasi dalam operasi zakat dan produk bersuci. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, 26(1), 114-136.
- Dar al-Ifta' al-Misriyyah. (2023). Laman web Dar al-Ifta' al-Misriyyah. Diakses dari: <https://www.dar-alifta.org/ar/>.
- Hafidzul Hilmi Mohd Noor. (2018). Ahli kariah samak Masjid Sungai Plong. Berita Harian, 7 Mac. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/03/396694/ahli-kariah-samak-masjid-sungai-plong> [20 Januari 2023]
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2013). Garis Panduan Sertu Menurut Islam. Selangor: JAKIM.
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. (2023). #12 Taudhah Al-Hukmi: Adakah Sertu Boleh Dilaksanakan Oleh Orang Bukan Islam? Diakses dari: <https://www.muftiselangor.gov.my/taudhah-al-ahkam/1282-taudhah-al-hukmi-adakah-sertu-boleh-dilaksanakan-oleh-orang-bukan-islam>.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). "Samak". Dewan Bahasa dan Pustaka. Diakses dari: <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=samak>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). "Sertu". Dewan Bahasa dan Pustaka. Diakses dari: <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=sertu>
- Kementerian Wakaf dan Urusan Agama Kuwait. (1983). al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah. Kuwait: Kementerian Wakaf dan Urusan Agama Kuwait.
- Malaysiakini. (2017). McD samak kedai lepas pelanggan bawa anjing. Malaysiakini, 30 Mei. <https://www.malaysiakini.com/news/383957> [25 Januari 2023]
- Malaysian Standard MS 2200-2. (2012). Barang gunaan Islam - Bahagian 2: Penggunaan tulang, kulit dan bulu haiwan. Garis Panduan Umum. Selangor: Department of Standards Malaysia. Diakses dari: <https://law.resource.org/pub/my/ibr/ms.2200.2.m.2012.pdf>
- Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Mustafa Afifi Abdul Halim & Sumaiyah Abd Aziz. (2020a). Implementation of Islamic cleansing (sertu) in the halal industry. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies, 18(1), 1-9.
- Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Mustafa Afifi Abdul Halim, Sumaiyah Abd Aziz & Hasdhatul Nor Aliah Md Said. (2020b). Analisis isu-isu dalam perlaksanaan sertu industri. INSLA e-Proceedings, 3(1), 155-166.
- Muslim, Ibn al-Hujjaj al-Qushairi al-Naysaburi. (2006). Sahih Muslim. Riyad: Dar Tayyibah.
- Mustafa 'Afifi Abdul Halim, Sumaiyah Abd Aziz, Mohd Mahyeddin Mohd Salleh & Hasdhatul Nor Aliah Md Said. (2020). Kerangka perundungan sertu dalam industri halal di Malaysia. INSLA e-Proceedings, 3(1), 554-565.
- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-80. (2008). Garis panduan penggunaan kulit dan bulu untuk dijadikan pakaian atau barang. 1-3 Februari. [http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/assets/files/old-site/garis\\_panduan\\_penggunaan\\_kulit\\_dan\\_bulu\\_untuk\\_dijadikan\\_pakaian\\_atu\\_barangan.pdf](http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/assets/files/old-site/garis_panduan_penggunaan_kulit_dan_bulu_untuk_dijadikan_pakaian_atu_barangan.pdf)
- myMetro. (2015). Pasar raya mohon maaf. myMetro, 22 Disember. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2015/12/101670/pasar-raja-mohon-maaf> [25 Januari 2023]
- Noorsiah Ahmad & Sariwati Mohd. Shariff. (2016). Factors influencing sertu cleansing integrity in halal logistics. Journal of Business Management and Accounting, 6(1), 155-169.
- Noorsiah Ahmad & Sariwati Mohd. Shariff. (2017). Halal cleansing operations towards halal integrity: A literary insight. Selangor Business Review, 2(1), 35-48.
- Nurul Husna Mahmud. (2019). Sertu pinggan mangkuk pesawat. myMetro, 19 Mei. <https://www.hmetro.com.my/rencana/2019/05/457267/sertu-pinggan-mangkuk-pesawat> [18 Januari 2023].
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2017). Jenis dan kaedah tanah samak. Irsyad al-Fatwa Siri ke-176, 22 Februari. <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/997-irsyad-al-fatwa-siri-ke-172-persoalan-berkaitan-samak?highlight=WylzYW1hayIsInNlcnR1Il0=> [10 Disember 2022].

- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2018). Hukum sertu menggunakan sabun taharah. Irsyad al-Fatwa Siri ke-221, 9 April. <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2365-irsyad-al-fatwa-siri-ke-221-hukum-sertu-menggunakan-sabun-taharah> [10 Disember 2022].
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019). Al-Kafi #1316: Beza sertu dengan samak. Al-Kafi li al-Fatawi, 4 Julai. <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3545-al-kafi-1316-beza-sertu-dengan-samak> [10 Disember 2022].
- Sumaiyah Abd Aziz, Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Mustafa 'Afifi Abdul Halim & Hasdhatul Nor Aliah Md Said. (2021). Amalan Terbaik Pelaksanaan Sertu dalam Industri Halal di Malaysia. Journal of Fatwa Management and Research, 23(1), 29-52.